

TARIKH : 12 JANUARI 2023  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 8

## 'Terpaksa hadkan pembelian telur ayam'

# 'Terpaksa hadkan pembelian telur ayam'

**Kota Bharu:** Bekalan telur ayam di sekitar daerah ini didakwa berkurangan hampir 50 peratus sejak akhir tahun lalu dengan kebanyakan peniaga menghadkan pembelian kepada pelanggan bagi memastikan bekalan sentiasa ada di pasaran.

Perkara itu diakui pemborong Zaki Jaya Trading, Mohd Zafran Akmal Mohd Zaki, 23, berdasarkan senario membabitkan bekalan telur ayam yang sampai di kedai milik ayahnya, Mohd Zaki Abdullah Zawawi, 51.

Sebelum ini, katanya, stok telur ayam yang sampai dengan lori dari Melaka kira-kira 12,000 papan atau 360,000 biji, namun sejak beberapa bulan ini stok yang sampai hanya sekitar 6,800 papan yang dihantar dengan dua lori.

"Walaupun stok berkurangan, kita tetap menjual telur ayam di bawah harga kawalan ditetapkan kerajaan," katanya ketika ditemui semalam.

Berdasarkan tinjauan di kedai pemborong sekitar Jalan Kuala Krai, di sini, kebanyakan stok telur yang diterima habis dalam tempoh dua hari saja selepas di-



Pekerja mengangkat stok telur untuk dihantar kepada peniaga kedai runcit ketika tinjauan di pusat pemborong di Jalan Kuala Krai, semalam.

(Foto Nik Abdullah Nik Omar/BH)

hantar kepada peruncit, malah kebanyakan pelanggan melakukan pembelian secara runcit.

Telur ayam juga dijual di bawah harga kawalan iaitu masing-masing RM13.50 bagi gred A, RM12.90 gred B dan RM12.30 gred C.

### Had pembelian telur ayam

Pekerja Zaki Jaya Trading, Rosmina Abd Razak, 47, berkata bagi memastikan pelanggan mendapat bekalan, pihaknya memastikan agihan kepada kedai runcit berdasarkan stok yang

dihadkan, manakala untuk jualan runcit hanya satu papan dibenarkan untuk setiap pembelian.

"Kita mahu pastikan semua pelanggan mendapat telur ayam kerana tahu pada masa ini agak sukar untuk mendapatkan bekalan memandangkan stok agak berkurangan dengan begitu banyak," katanya.

Pengguna, Mahadi Kadir, mengakui bekalan telur ayam berkurangan menyebabkannya sukar untuk mendapatkan bahan mentah itu.

Katanya, sebagai peniaga dia memerlukan 10 papan telur sehari bagi memenuhi permintaan pelanggan, namun agak sukar untuk mendapatkan bekalan itu.

"Saya terpaksa membeli telur di beberapa kedai untuk memenuhi permintaan itu kerana kebanyakan kedai menghadkan pembelian dengan paling banyak pun dua papan saja.

"Saya harap kerajaan dapat terus membuat pemantauan dan menyelesaikan masalah ini, sekali gus dapat menstabilkan harga telur ayam," katanya.